



Headline **Alam Hijau FRIM**
Date **04 Sep 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **29to31**
Article Size **2489 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **21,641**
PRValue **64,923**



Headline Alam Hijau FRIM
Date 04 Sep 2010
MediaTitle Kosmo
Section Kosmo 2
Journalist N/A
Frequency Daily
Circ / Read 115,967 / 406,000

Language Malay
Page No 29to31
Article Size 2489 cm²
Color Full Color
ADValue 21,641
PRValue 64,923

KOSMO! 2 SABTU 4 SEPTEMBER 2010

30 Horizon



Kanopi menjulang ke langit

Bukan pusat penyelidikan hutan biasa, FRIM menggantik warga kota dan pelancong asing yang mahu menikmati kepelbagaiannya dan keunikannya flora dan fauna di dalamnya.



RIMBUNAN dedaun pokok membentuk kanopi menakjubkan dikenali Crown Shyness.

Oleh AMMAR JAZLAN
MAD LELA
amarra.jazlan@kosmo.com.my

ETIAP hari kelibat wanita berusia 46 tahun itu boleh dilihat di sekitar Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, Kuala Lumpur. Berbekalkan sebatang kayu yang dijadikan tongkat, wanita itu memulakan pendakian ke puncak yang dikenali sebagai Titian Kanopi.

Pada usia yang hampir mencelik separuh abad, dia kelihatan masih gagah dan cergas.

Kakinya pantas melangkah di laluan berbatu dan berbukit itu. Pokok-pokok hutan yang menjulang tinggi memberikan suasana redup di sekililingnya menyebabkan pendakian sejauh 500 meter itu tidak begitu memematkan.

Sebaik tiba sebuah kawasan lapang berhampiran pintu masuk ke Titian Kanopi, wanita itu berahat seketika. Sambil menggesek peluh yang membasihi dahi, dia melakukan beberapa aktiviti regangan.

"Hai unte. Selamat pagi, hari ini ada baikkah?" tegur seorang petugas di kawasan.

"Biasa saja la. Hari ini awak nampak sibuk, sebab pagi-pagi lagi pelancong sudah datang melawat ke sini," jawabnya ramah.

Bagi Tracy Lim, dia sudah mengenali kebanyakan petugas di situ. FRIM seakan-akan sudah menjadi rumah keduaanya sejak lebih 10 tahun yang lalu. Sama ada ditemani keluarga atau datang bersendirian dia tidak pernah jemu melakukan pelbagai aktiviti riadah yang disediakan.

Selain menjelajah hutan satu hingga dua jam sehari, adakalanya dia berjoging atau mengikuti kelas Tai Chi atau kelas Chiqong yang diadakan. Kebetulan, rumahnya di Selayang Jaya hanya terletak beberapa kilometer dari FRIM.

"Saya suka datang ke sini kerana keindahan alam semula jadi. Di peringkat usia begini, beriadah penting untuk saya kekal cergas."

"Lagi pun suasannya begitu tenang dan mendamaikan. Setiap hari saya berpeluang bertemu rakan-rakan lama, menghirup udara segar dan nyaman membuatkan fikiran saya sentiasa tenang," katanya yang merupakan suri rumah.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1929, FRIM menjadi salah sebuah institusi penyelidikan perhutanan tropika terulung di dunia. Ia terletak di kawasan seluas 485 hektar di Hutan Simpan Bukit Lagong, Kepong.

Pada Februari 2009, ia diwartakan sebagai Taman Warisan Semulajadi di bawah Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645). Dianggarkan terdapat kira-kira 15 juta pokok terpelihara di situ dan dibahagikan kepada 2,500 spesies yang berlainan.



FRIM lebih daripada sebuah institut penyelidikan perhutanan kerana ia juga menjadi 'sahabat' hutan kepada ramai pencinta alam.

Headline Alam Hijau FRIM
Date 04 Sep 2010
MediaTitle Kosmo
Section Kosmo 2
Journalist N/A
Frequency Daily
Circ / Read 115,967 / 406,000

Language Malay
Page No 29to31
Article Size 2489 cm²
Color Full Color
ADValue 21,641
PRValue 64,923

PENGUNJUNG boleh bermandi-manda di Sungai Kroh atau berkhemah di tapak perkhemahan yang disediakan.

MENYEBERANGI jambatan gantung yang menjadi aktiviti wajib bagi sesiapa sahaja yang berkunjung ke FRIM.

SPESIES pokok buluh gergasi ini berasal dari Myanmar dan di negara ini ia hanya boleh dilihat di FRIM.

FRIM dilengkapi kemudahan

Berbanding sedekad lalu, kawasan itu kini sudah banyak berubah. Kemudahan infrastruktur dan prasarana menyebabkan ia menjadi tumpuan di kalangan warga kota melakukan pelbagai aktiviti riadah.

Kedudukannya yang terletak kira-kira 30 minit dari pusat bandar raya menjadikannya popular bukan sahaja di kalangan pengunjung tempatan malah, pelancong asing yang mahu menikmati kepelbagaian serta keunikan flora dan fauna di dalamnya.

Bagi mereka yang baru pertama kali ke sini, tidak sah sekiranya tidak mencuba pengalaman perjelajahan ke puncak pokok di Titian Kanopi. Terletak di antara puncak Bukit Lagong dan Bukit Hari, laluan sepanjang 150 meter itu dibina pada 1992 dengan ketinggian 30 meter.

Dengan sedikit bayaran, pengunjung berpeluang melihat keindahan panorama yang terdapat di sekelingnya. Di sepanjang laluan itu terdapat tiga pokok yang disediakan untuk pengunjung berehat dan merakamkan detik-detik indah. Jika bernasib baik, pengunjung mungkin dapat melihat aksi nakal beberapa spesies monyet dan burung liar yang terbang bebas di udara.

Di samping itu, terdapat juga denai yang disediakan khusus untuk mereka yang menggemari aktiviti menjelajah hutan. Antaranya ialah Denai Salleh sejauh 1.5 kilometer (km), Denai Keruing (1.5 km), Trek Rover (tiga km) dan Denai Engkabang (satu km).

Di sini, terdapat pelbagai spesies pokok hutan hujan tropika yang hidup subur antaranya ialah merbau atau nama saintifiknya *Intsia Palembanica*, kapur (*Dryobalanops spp*), meranti permai tua (*Shorea spp*), kerangi (*Dialium spp*) dan banyak lagi.

"Hampir seluruh spesies pokok-pokok yang terdapat di hutan di Semenanjung Malaysia terdapat di sini.

Populariti lokasi Crown Shyness menyebabkan krew daripada siri dokumentari National Geographic juga pernah mengadakan pengambaran di sini beberapa tahun lalu

Sebab itu, ia sering menjadi tumpuan para saintis dari dalam dan luar melakukan pelbagai kajian dan penyelidikan," kata Ketua Unit Pengurusan Korporat, FRIM, Norhayati Nordin.

Kanopi Crown Shyness

Katanya, salah satu lokasi yang wajib dikunjungi ialah Crown Shyness. Populariti lokasi itu menyebabkan krew daripada siri dokumentari National Geographic juga pernah mengadakan pengambaran di sini beberapa tahun lalu.

Sebaik sahaja mendongak kepala ke atas himpunan pokok-pokok kapur setinggi 20 hingga 30 meter itu, mata terpuji melihat keunikian kanopi rimba daun-daunnya yang seakan-akan membentuk sebuah *jigsaw puzzle*. Cahaya matahari yang mula meninggi dan memasuki celah-celah daun membolehkan pengunjung melihat fenomena luar biasa itu dengan lengkap.

"Peliknya, hanya di laluan ini sahaja terdapat fenomena sebegini dan mungkin pertama seumpamanya di dunia. Tidak hairanlah ia begitu popular dan menjadi tarikan utama pengunjung ke sini," jelasnya.

Menurut Norhayati, pengunjung juga boleh berkelah sambilbermani-mandi di Sungai Kroh yang menghalang masuk ke kawasan ini.

Selain kemudahan tempat letak kereta yang luas terdapat beberapa wakaf yang boleh disewa di samping kemudahan gerai-gerai makanan dan

minuman untuk menjamu selera.

Salah satu lokasi lain yang boleh dikunjungi ialah Taman Botani, Kepong. Di sini pengunjung akan berpeluang untuk mengenali beberapa tumbuhan herba di taman itu.

"Kebanyakan rakyat Malaysia tahu tentang khasiat herba seperti kacip fatimah dan tongkat ali tetapi tidak ramai yang tahu bagaimana rupa fizikal tumbuhan herba tersebut. Di taman ini pengunjung akan dapat melihat sendiri tumbuhan herba tanpa perlu meredah hutan tebal, malah ia lengkap dengan papan petunjuk yang tertera nama saintifik," katanya.

Pengunjung ke sini juga boleh melihat keunikian seni bina beberapa rumah tradisional Melayu yang dipamerkan seperti Rumah Tradisional Terengganu dan Rumah Melaka.

Bagi penggemar-penggemar aktiviti lasak basikal bukit, terdapat laluan khusus yang disediakan bagi tujuan itu.

Beliau berkata, pihaknya turut menyediakan kawasan berkhemah di Kem Perak kepada pengunjung yang ingin merasai suasana bermalam di situ.

"Selain lengkap dengan pelbagai kemudahan seperti calet, tandas, kami juga menawarkan beberapa aktiviti menarik seperti ekspedisi jelajah malam yang pasti menjanjikan pengalaman mengujakan," katanya yang memberitahu hanya 250 pengunjung dibenarkan melawat ke kawasan itu setiap hari.

Tumpuan pelancong asing

Sementara itu, seorang pelancong dari Poland, Blechstein, 51, memerlukan dia teruja walaupun baru pertama kali menjelaskan kaki ke situ. Menurutnya, kawasan itu umpama muarium hidup yang menyimpan pelbagai khazanah hutan dan tumbuhan-tumbuhan seperti paku pakis, klat, buluh, konifer, monocot dan lain-lain yang jarang dapat dilihat.

"Apabila anda menjelaskan kaki ke dalam kawasan ini, anda seolah-olah berada dalam hutan hujan khatulistiwa yang sebenar."

"Terdapat pokok-pokok menjulang tinggi sehingga tumbuhan rendah baki lantai hutan terdapat di sini. Ia ibarat sebuah penerokaan ke alam semula jadi yang lengkap," katanya yang pernah melawat hutan di beberapa negara seperti Thailand dan Amerika Syarikat sebelum ini.

Seorang lagi pelancong dari Jerman, Werner, 55, berkata, selain menjadi tempat riadah kawasan ini mampu menanamkan rasa kecintaan terhadap pentingnya usaha pemuliharaan alam sekitar kepada pengunjung khususnya kanak-kanak.

"Adalah amat penting kawasan seperti ini dikekalkan bagi tujuan pendidikan dan penyelidikan supaya semua spesies hutan dapat didokumentasikan untuk generasi akan datang.

"Perlu juga diingat, hutan adalah antara elemen penting dalam mengimbangi ekosistem alam," katanya.